

Perhatian ibu bapa penting tangani ketagihan anak guna gajet

Berita HARIAN (03/08/2022) NIS 13

Siti Khadijah
Norhisham,
Universiti Sains
Islam Malaysia

Terdapat trend yang semakin merisaukan dalam kalangan ibu bapa apabila mereka memberi pendedahan terhadap gajet kepada anak dalam usia yang masih muda. Lebih membimbangkan, anak itu tidak diawasi, walaupun masih bayi.

Hal ini menarik perhatian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) apabila kajian yang dibuat mendapati di Lembah Klang sahaja, 78.8 peratus ibu bapa membenarkan anak memiliki gajet.

Umumnya, sebahagian besar ibu bapa membiarkan anak leka dengan gajet supaya mereka tidak meragam, terutama ketika berada di tempat awam. Hal ini menjelaskan pandangan ibu bapa bahawa hanya gajet mampu memenuhi keperluan emosi anak. Sedangkan apa yang diperlukan adalah perhatian daripada ibu bapa mereka.

Sebenarnya, tindakan sebegini sedikit sebanyak akan mempengaruhi perkembangan sikap dan tingkah laku anak. Ia juga mendedahkan ibu bapa tidak mengetahui cara efektif untuk mendidik anak dalam zaman yang serba canggih ini.

Sebelum ini, seorang pakar perubatan di Hospital Kuala Lumpur, Dr Ahmad Samhan Awang mendedahkan penggunaan gajet tanpa kawalan terhadap anak akan mengakibatkan gangguan perkembangan otak, selain menyebabkan gangguan pertuturan.

Terdedah bahan negatif

Ibu bapa juga perlu tahu, pada usia dua tahun dan ke bawah perkembangan otak anak bergantung terhadap seberapa kerap komunikasi ibu bapa dengan mereka. Justeru, penggunaan gajet hendaklah dihadkan, selain tidak boleh menggunakannya di ruang makan atau bilik tidur.

Anak akan mudah terdedah dengan bahan negatif dan tidak sesuai dengan peringkat umur mereka tanpa pemantauan ibu bapa. Malah, ia membuka kepada ruang pornografi.

Selain itu, penggunaan gajet secara berlebihan mengakibatkan mereka kurang berinteraksi dengan ibu bapa. Anak akan lebih cenderung berkongsi masalah dengan rakan yang dikenali di alam siber kerana kerap berkomunikasi.

Hasilnya, anak akan jadi lebih pendiam, memendam rasa dan lebih memilih untuk mengelak daripada berkongsi cerita dengan ibu bapa.

Galak komunikasi dalam keluarga


Namun, bagi mendisiplin diri anak, ibu bapa juga perlu mempraktikkannya terhadap diri sendiri. Misalnya, mengehadkan penggunaan gajet di hadapan anak. Misalnya ketika makan atau waktu bersama keluarga yang seharusnya digunakan untuk berkongsi cerita dan menjamu selera.

Ibu bapa juga perlu sentiasa bertanya khabar

anak dan mengadakan komunikasi dua hala dengan mereka. Kaedah ini boleh mendekatkan hubungan antara anak dan ibu bapa dan membolehkan mereka tidak segan berkongsi masalah, walaupun sekecil-kecil perkara.

Malah, ambillah peluang mencium, mendakap dan memuji anak kerana itulah kaedah yang berkesan dalam menzahirkan kasih sayang terhadap mereka.

Ibu bapa juga turut digalakkan untuk mendingar impian dan cita-cita anak supaya mereka rasa lebih didengari dan dihargai, sekali gus dapat membantu membentuk personaliti diri yang lebih baik. Kecenderungan anak terhadap gajet dapat dikurangkan dan dikawal dengan baik apabila mereka mendapat perhatian, kasih sayang dan dikan yang mencukupi daripada ibu bapa.



Penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak perlu dikawal bagi elak gangguan perkembangan otak. (Foto hiasan)